



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 8/2023**

30 OGOS 2023 | RABU

9.00 PAGI | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ketua-ketua WHIP,

Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.8/2023** bagi **bulan** **Ogos** pada pagi yang berbahagia ini.

1. TAHNIAH YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

- 1.1 Pertama sekali, saya mewakili seluruh warga Majlis Perbandaran Selayang ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, atas pelantikan sebagai Dato' Menteri Besar Selangor yang ke-17.
- 1.2 MPS berharap Negeri Selangor terus makmur di bawah pentadbiran YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan terus berjaya mendepani segala cabaran dan rintangan pada masa akan datang.

2. TAHNIAH YB AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR & YB PUAN ANFAAL SAARI

- 2.1 Selain itu, saya sekali lagi mewakili seluruh warga MPS turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang baharu dilantik pada 23 Ogos yang lepas.
- 2.2 Tahniah juga diucapkan kepada YB Puan Anfaal binti Saari, Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer yang telah dilantik sebagai EXCO Pembangunan

Wanita dan Kebajikan Masyarakat. Untuk makluman, YB Puan merupakan mantan Ahli Majlis MPS dari Julai 2018 sehingga Disember 2020.

- 2.3 Selamat menjalankan tugas dan tanggungjawab kepada semua. MPS sebagai Pihak Berkuasa Tempatan amat komited bersama-sama Kerajaan Negeri Selangor untuk terus maju dan makmur serta mengutamakan kebajikan kepada rakyat Negeri Selangor.

3. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 3.1 Untuk makluman, sehingga 31 Julai 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak **RM 65.31 juta (57.29%)** daripada RM 114 juta.
- 3.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak **RM 8.59 juta (71.55%)** berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 12 juta.

4. NOTIS (BORANG E) DAN BIL CUKAI TAKSIRAN

- 4.1 MPS telah memproses bil cukai taksiran bagi Penggal 2/2023. Sebanyak **220,490 akaun** dan sebanyak **67,059**

bil telah dihantar secara digital iaitu melalui emel dan sebanyak **36,753 notifikasi** Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) telah dikirim. Untuk makluman, tarikh akhir bayaran cukai taksiran bagi Penggal 2/2023 adalah pada **31 Ogos 2023** iaitu esok.

4.2 MPS telah memulakan proses tindakan sitaan / rampasan harta alih bermula pada 1 Julai 2023 yang lalu, iaitu setelah tamat tempoh penghantaran waran tahanan. Sebanyak **1,534 akaun** telah dibuat tindakan sitaan bagi akaun yang warannya berjaya diserahkan.

4.3 MPS juga sedang mengadakan kempen bayaran cukai taksiran melalui dalam talian dengan menggunakan aplikasi MyMPS selain melalui platform bayaran di Lazada, Shopee dan Cemas bermula Januari 2023.

5. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS

5.1 Selain itu, dalam dunia serba digital ini, untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan, MPS telah menaiktaraf portal MyMPS untuk pelanggan melaksanakan transaksi dengan lebih mudah. Pelanggan MPS boleh membuat memperbaharui dan

membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang di pautan <https://mymps.mps.gov.my>.

5.2 Pada Julai 2023, jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak **RM 357,748.68** iaitu **953 transaksi** meliputi bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang.

(Perincian untuk rujukan)

	Lesen Perniagaan	Sewaan Gerai	Permit Bangunan & Perancang
Transaksi	113	817	23
Jumlah	RM 76,353.91	RM 281,356.00	RM 38,772.20

6. PORTAL MY-ESIM

6.1 Dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil, MPS telah mengadakan sekatan ke atas rangkaian Sistem Integrasi Majlis dengan mewujudkan satu portal semakan bil-bil iaitu portal My-ESIM yang boleh diakses melalui pautan www.my-esim.mps.gov.my.

- 6.2 Setiap Jabatan dikehendaki menggunakan portal My-ESIM bagi menyemak tunggakan hasil di MPS sebelum memproses setiap permohonan yang diterima di Jabatan.
- 6.3 MPS telah mengorak selangkah ke hadapan dengan membuka portal My-ESIM kepada orang awam untuk semakan sendiri. Pemilik yang ingin menghantar sebarang permohonan di MPS boleh menyemak tunggakan hasil terlebih dahulu di portal dan seterusnya membuat bayaran. MPS hanya menerima permohonan sekiranya Sijil E-SIM iaitu sijil yang menunjukkan tiada tunggakan hasil dikemukakan kepada jabatan yang akan memproses permohonan pemilik.

7. PENGURANGAN HARGA KOMPAUN SEHINGGA 80%

- 7.1 Untuk makluman, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sedang menawarkan pengurangan kadar kompaun sehingga 80% mengikut jenis kesalahan yang dikenakan sempena Kempen Pengurangan Harga Kompaun Kesalahan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil MPS Siri 1/2023. Tempoh bagi penawaran ini akan berakhir pada esok, 31 Ogos 2023.

7.2 Sehubungan itu, MPS memberi peluang kepada orang awam untuk menyelesaikan tunggakan dan dikehendaki berurusan di Kaunter Rayuan Jabatan Perundangan, Tingkat 4, Menara MPS bagi tujuan semakan dan rayuan tersebut.

7.3 Sekiranya kompaun tersebut gagal dibayar setelah rayuan dilakukan sebelum esok, pihak MPS berhak untuk membatalkan rayuan tersebut tanpa sebarang notis.

8. TAHNIAH URUS SETIA PROGRAM CSR PENANAMAN POKOK RIZAB JALAN, PROGRAM GOTONG-ROYONG DAN PROGRAM JOM TEROKA SELAYANG

8.1 Alhamdulillah, pada bulan Ogos kita telah melaksanakan tiga program besar iaitu Program CSR Penanaman Pokok Rizab Jalan, Program Gotong-Royong dan Program Jom Teroka Selayang. Kesemua program telah memberikan impak dan imej yang positif terhadap MPS dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti MPS sendiri.

8.2 Tahniah diucapkan kepada semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung berganding bahu

dalam menjayakan program ini. Terutamanya kepada pihak urus setia penganjur iaitu Jabatan Landskap dan Jabatan Pembangunan Masyarakat yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan semuanya berjalan lancar.

9. PROGRAM SEMANGAT PATRIOTIK SAYA

- 9.1 Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPS Tahun 2023 yang telah diadakan bermula 15 Ogos hingga 15 September 2023, saya ingin menyeru kepada semua pemilik rumah kediaman di bawah pentadbiran MPS untuk turut serta dalam Program Semangat Patriotik Saya. Anda boleh menghias dan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah kediaman anda mengikut kreativiti anda sendiri.

- 9.2 30 rumah kediaman akan dipilih secara rawak dan bakal memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM50. Jadi, Ahli-Ahli Majlis boleh menguar-uarkan Program Semangat Patriotik Saya kepada penduduk di zon masing-masing untuk turut serta mengibarkan Jalur Gemilang di rumah kediaman masing-masing.

9.3 Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi Bahagian Perhubungan Awam Jabatan Korporat MPS di talian 0361265824.

10. KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI 2023

10.1 Untuk makluman, MPS akan menganjurkan Karnival Ekstrem Gua Damai 2023 pada 16 dan 17 September 2023 bertempat di Taman Ekstrem Gua Damai, Kampung Wira Damai.

10.2 Pada tahun ini, program Karnival Ekstrem Gua Damai akan menampilkan acara utama iaitu Pertandingan BASE Jump yang melibatkan penerjun antarabangsa selain beberapa acara sukan ekstrem sepanjang dua hari penganjuran program ini.

10.3 Antara aktiviti sukan yang akan diadakan sepanjang program ini berlangsung adalah Rock Climbing, Futsal, Memanah, Senamrobik, Flying Fox, Tree Climbing, Paint Ball dan Abseiling.

10.4 Diharapkan agar program ini berjalan lancar seperti yang dirancang dan disini saya menjemput semua

warga Selayang untuk bersama-sama hadir bagi memeriahkan program ini.

11. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2023

11.1 Seperti semua sedia maklum, bulan Ogos merupakan bulan yang sinonim dengan Hari Kebangsaan di mana kita akan menyambut Hari Kebangsaan yang ke-66 pada tahun ini.

11.2 Saya ingin mengajak semua untuk memberi sokongan dan mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh bersemangat walau di mana jua anda berada.

11.3 Dikesempatan ini juga, saya ingin menjemput semua warga MPS untuk bersama-sama turun memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan ke-66 di Malam Ambang Kemerdekaan Peringkat Negeri Selangor yang akan diadakan pada 30 Ogos 2023 bermula pukul 8.00 malam, bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

11.4 Akhir kata, Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke-66 dan Selamat Hari Malaysia. Tekad Perpaduan Penuhi Harapan.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.